

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]**

**TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 55**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan berhubung ketiadaan doktor pakar di Hospital Jempol dan kemudahan bilik pembedahan serta pelan untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang lebih baik.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Hospital Jempol merupakan sebuah hospital tanpa pakar yang dilengkapi dengan 104 buah katil dan sebuah dewan bedah. Bagi menambahbaik pelaksanaan perkhidmatan kesihatan di Hospital Jempol, inisiatif Hospital Kluster telah dilaksanakan melalui pembentukan Hospital Kluster HTAN pada tahun 2016. Hospital Kluster HTAN menggabungkan dua Hospital Tanpa Pakar iaitu Hospital Jempol dan Hospital Tampin sebagai Non Lead Hospital dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah iaitu Hospital Berpakar Major sebagai Lead Hospital.

**Yang di-Pertua,**

Melalui pelaksanaan Hospital Kluster HTAN ini, penduduk di daerah Jempol mendapat perkhidmatan kepakaran secara terus dan berkala melalui perkhidmatan kepakaran yang disepadukan dan dikordinasikan dengan lebih bersistematik. Perkhidmatan ini merangkumi perkhidmatan perubatan, kecemasan, pembedahan dan sebagainya. Perkhidmatan pembedahan katarak telah dilaksanakan di Hospital Jempol bermula tahun 2018, dan Kementerian dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan pembedahan ortopedik.

Semua pegawai perubatan di bawah konsep hospital kluster termasuk di Hospital Kluster HTAN dipantau oleh Pegawai Perubatan Pakar. Ini bagi memastikan perkhidmatan kesihatan dan rawatan yang diberikan adalah yang terbaik. Melalui pelaksanaan Hospital Kluster HTAN, rakyat di daerah Jempol mendapat perkhidmatan kepakaran yang lebih dekat, lengkap dan bersesuaian dengan keperluan pesakit.

Sekian, terima kasih.